

# Utusan Borneo

## Penjawat awam disaran tingkat literasi digital

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Penjawat awam di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) disaran agar mempertingkatkan literasi digital bagi memastikan pengumpulan dan saluran maklumat dapat dilaksanakan dengan lebih tepat dan pantas.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Panglima Yahya Hussin berkata amat penting bagi penjawat awam mempertingkatkan literasi digital agar mereka berupaya mengenalpasti, mencari, memahami, menilai dan

menganalisis maklumat melalui teknologi digital sedia ada.

Katanyadalammemperkasaperkhidmatan, penggunaan aplikasi digital amat penting kerana ia membolehkan penyaluran maklumat dilaksanakan dengan lebih cepat dan interaktif.

“Penjanaan laporan juga akan mudah dihasilkan dan dianalisa kerana ia memudahkan pengagihan sumber melalui perancangan dan pengurusan program yang lebih terurus.

“Olehitu, sebagai penjawat awam, kita harus menyokong perkhidmatan digital yang disediakan kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri bagi membolehkan diri mahir dalam dunia teknologi.

“Pada masa ini, terdapat banyak aplikasi digital yang membolehkan semua orang menggunakannya tanpa had. Dengan aplikasi literasi digital, pengguna dapat mencari, memperoleh dan menyebarkan maklumat dengan cepat,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Seminar ICT 2017 Mafi dan jabatan/agensi di bawahnya, di Wisma Pertanian di sini, kelmarin.

Yahya berkata kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan manusia hari ini bergantung kepada aplikasi digital bagi melaksana tugas. Misalnya, penggunaan drone yang dilihat akan membantu dalam bidang pertanian untuk penyelidikan dan pemantauan.



**YAHYA** (tengah) bersama Setiausaha Tetap Mafi Ahmad Awang Hashim (kiri) dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Dr Minggu Jumaan (kanan) semasa melawat salah satu gerai pameran sempena Seminar ICT Mafi dan jabatan/agensi di bawahnya, pada Selasa.